

Headline	Homoseksual, biseksual penyumbang utama HIV		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	11 Oct 2017	Color	Full Color
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	9	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	224 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,148
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 3,444



# Homoseksual, biseksual penyumbang utama HIV

**KUALA LUMPUR:** Golongan homoseksual dan biseksual kini menjadi kumpulan penyumbang utama dalam penyebaran virus HIV dan AIDS terutamanya di sekitar ibu negara, kata pakar perubatan kesihatan awam.

Ketua Penolong Pengarah Kanan (HIV/STI) Jabatan Kesihatan Kuala Lumpur dan Putrajaya Dr Rohaya Ramli berkata walaupun trend jangkitan HIV mencatatkan penurunan, namun terdapat perubahan terhadap pola jangkitan virus itu.

"Kalau dahulu sebanyak 80 peratus jangkitan HIV berpunca daripada penggunaan dadah, tetapi sekarang trend menunjukkan sebanyak 96 per-

atus jangkitan adalah melalui kaedah aktiviti seksual berdasarkan statistik sehingga Jun tahun ini.

"Sebanyak 65 peratus jangkitan adalah berpunca daripada golongan homoseksual dan biseksual, manakala 31 peratus adalah jangkitan dari hubungan seksual lelaki kepada wanita dan sebaliknya," katanya pada program Nine11 di Bernama News Channel.

Beliau berkata secara keseluruhan, jumlah jangkitan HIV yang direkodkan di seluruh negara sejak 1986 sehingga Disember lepas ialah sebanyak 110,000 kes.

Jumlah jangkitan penyakit

AIDS pula sebanyak 23,000 kes dengan jumlah kematian keseluruhan sebanyak 18,000 kes.

"Bagi kes kumulatif di Kuala Lumpur untuk tempoh yang sama, sebanyak 9,700 kes HIV dilaporkan, selain 3,600 kes AIDS dengan 2,300 jumlah kematian direkodkan," katanya.

Dr Rohaya berkata bagi mencapai sasaran kempen sifar jangkitan HIV di Kuala Lumpur menjelang 2020, Kementerian Kesihatan menjalankan program pencegahan dan kawalan yang memberi fokus kepada belia.

"Kita turut memberi tumpuan kepada golongan berisiko ter-

diri daripada pengguna dadah, pekerja seks wanita, golongan homoseksual dan 'maknyah'.

"Antara langkah yang diambil adalah kita tekankan tentang bahaya HIV kepada golongan remaja supaya mereka dapat mengelak dan menghindari diri dari terlibat dengan hubungan seks sebelum berkahwin," katanya.

Dalam pada itu, Dr Rohaya menyeru golongan yang berisiko dijangkiti virus HIV supaya segera menjalani ujian saringan dan sekiranya disahkan positif HIV, mereka perlu mendapatkan rawatan untuk menghen-tikan virus itu daripada merebak.- Bernama